

Terusan Kra bukan keutamaan Thailand

Bangkok: Kerajaan Thailand menyuarakan secara jelas tidak akan menjadikan projek Terusan Kra sebagai keutamaannya selain tiada dasar merancang pembinaan saluran air buatan bagi menghubungkan Lautan Hindi dengan Lautan Pasifik.

Jurucakap kerajaan, Sansern Kaewkamnerd berkata, Perdana Menteri Prayut Chan-O-Cha menegaskan kerajaannya tidak memperuntukkan dasar berhubung pembinaan projek sepanjang 100 kilometer di selatan negara itu.

"Masih ada 'masalah' lain di kawasan yang perlu diberi keutamaan," katanya dalam satu kenyataan juga sebagai tindak balas kepada satu kumpulan pergerakan pimpinan golongan berpengaruh yang menyokong projek kontroversi bernilai berbilion dolar berkenaan.

Kumpulan berkenaan menggalakkan orang ramai berkongsi pandangan mereka secara dalam talian mengenai projek itu, malah turut menggubah lagu khas sebagai tanda sokongan terhadap realisasi Terusan Kra.

Sansern menyeru rakyat di selatan Thailand supaya bersikap berhati-hati ketika menerima mesej menyokong projek Terusan Kra yang mungkin mengelirukan selain mewujudkan salah faham di kalangan masyarakat.

Pembinaan terusan mencetus rasa bimbang ia bakal membahagikan negara kepada dua - sekali gus membawa perpecahan kepada wilayah selatan Thailand yang sedia bergolak.

AGENSI

Berita Harian 13 February 2018